

30- Bab Tidur Orang Perempuan Di Dalam Masjid.⁶²⁴

⁶²⁴ Kebanyakan pensyarah Sahih Bukhari berpendapat, tujuan Imam Bukhari mengadakan bab ini dan bab selepasnya ialah untuk menyatakan keharusan orang-orang perempuan dan orang-orang lelaki tidur di dalam masjid. Bukan sekadar itu sahaja, malah dalam keadaan-keadaan tertentu mereka juga boleh menjadikan masjid sebagai kediaman untuk beberapa lama. Menurut Syah Waliyyullah, "Maksud Imam Bukhari ialah menyatakan keharusan orang-orang perempuan tidur dan menetap di dalam masjid untuk beberapa lama, walaupun ada kemungkinan mereka datang haidh semasa itu. Cuma mengikut mazhab Hanafi perempuan yang berada di dalam masjid perlu keluar daripadanya apabila datang bulan." Sebelum membincangkan secara terperinci ijhtihad Imam Bukhari, elok kiranya dikemukakan terlebih dahulu perbezaan pendapat 'ulama' dan perincian mazahib mereka mengenai masalah ini. Menurut Malik, orang-orang perempuan walaupun sudah tua tidak harus secara mutlaq (sama sekali) tidur di dalam masjid, sama ada mereka sedang berhaidh atau tidak. Alasannya ialah keberadaan mereka dalam keadaan itu boleh menimbulkan fitnah. Abu Hanifah, Syafi'e, Ahmad dan jumhur 'ulama' pula berpendapat harus dalam keadaan tidak berhaidh tetapi khilaf al-aula (tidak lebih baik). Dalam keadaan berhaidh, mereka juga berpendapat tidak harus. Daud az-Zahiri, al-Muzani dan Ibnu Hazam berpendapat harus secara mutlaq sama ada dalam keadaan berhaidh atau tidak. Imam Bukhari dalam masalah ini sependapat dengan mereka. Antara tokoh hadits semasa yang berpendapat harus seperti pendapat Bukhari itu ialah as-Syeikh al-Muhaddits Muhammad Naashiruddin al-Albaani dan anak-anak buahnya seperti Syeikh Abu Ishaq al-Juwaini dan lain-lain. **Pada pendapat penulis** Imam Bukhari sebenarnya mahu pergi lebih jauh lagi dari itu melalui bab ini. Sekurang-kurangnya enam perkara mahu beliau sentuh menerusi tajuk bab ini dan juga hadits yang dikemukakan di bawahnya, iaitu: (1) Sememangnya terdapat khilaf 'ulama' tentang keharusan orang perempuan tidur di dalam masjid dan berada di dalamnya untuk satu jangka masa yang agak lama sebagai tempat tinggalnya. Masing-masing pihak yang berbeza pendapat itu pula mempunyai hujah yang agak kuat dan perlu dihormati. Kerana itulah Bukhari mengemukakan bab ini tanpa menyatakan apa-apa hukum sama ada ia harus ataupun tidak. (2) Melalui hadits yang dikemukakan di bawah bab di atas, Bukhari menyatakan pendapatnya berhubung dengan masalah ini. Bagi beliau ia adalah harus sama ada dalam keadaan berhaidh atau tidak. (3) Oleh kerana keraguan tentang keharusan perempuan tidur dan berada lama di dalam masjid lebih kuat daripada lelaki, Bukhari mendahulukan bab tidur orang perempuan di dalam masjid daripada bab tidur orang-orang lelaki di dalam masjid. Tujuannya ialah untuk menyatakan pendapatnya bahawa orang-orang perempuanlah lebih patut diberikan keutamaan dalam soal perlindungan dan sebaik-baik perlindungan untuk mereka ialah di masjid, sekiranya suasana masjid itu baik dan terpelihara seperti masjid Nabi s.a.w. di zaman Baginda s.a.w. sendiri. (4) Oleh kerana kenyataan dan fakta sejarah di zaman Rasulullah s.a.w. dan di zaman-zaman kemudian menunjukkan orang-orang lelaki lebih ramai tidur dan bermukim di dalam masjid berbanding wanita, Imam Bukhari menggunakan perkataan المرأة (bentuk mufrad) bukan النساء (bentuk jama') di dalam tajuk bab tidur orang perempuan di dalam masjid. Berbeza dengan bab tidur orang-orang lelaki di dalam masjid, kerana beliau menggunakan di situ kata jama'nya iaitu الرجال bukan kata mufradnya iaitu الرجل. (5) Antara alasan pihak 'ulama' yang tidak mengharuskan perempuan tidur atau tinggal di dalam masjid ialah: i- Adanya kemungkinan terdedah 'aurat mereka di hadapan orang-orang lelaki yang selalu berulang-alik ke masjid. ii- Kemungkinan timbul fitnah terhadap lelaki dengan keberadaan mereka di masjid dalam satu jangka masa yang lama. iii- Keberadaan mereka di dalam masjid mendedahkannya kepada kekotoran darah haidh. Ia adalah sesuatu yang tidak sepatutnya berlaku. Pengharaman memasuki masjid ke atas perempuan berhaidh, apa lagi menetap di dalamnya merupakan satu langkah yang perlu untuk memelihara kebersihannya. iv- Perempuan-perempuan yang masih berhaidh, mungkin akan kedatangan haidh pada tarikh-tarikh tertentu atau pada bila-bila masa. Perkara keempat inilah sebenarnya merupakan perkara pokok yang tidak membolehkan orang perempuan menetap agak lama di dalam masjid pada pandangan mereka. Justeru terdapat beberapa hadits yang tidak membenarkan perempuan-perempuan berhaidh berada di dalam masjid. Bagi Bukhari semua alasan yang dikemukakan itu tidak kukuh dan tidak semestinya berlaku. Bagaimana dalam keadaan tidak ada fitnah, seperti yang berlaku di zaman Rasulullah s.a.w. kepada perempuan yang tersebut di dalam hadits di bawah tajuk bab di atas? Bagaimana dalam keadaan 'aurat seseorang perempuan terpelihara, misalnya kerana ia berada di dalam khemah khusus di suatu ruangan yang agak jauh daripada lelaki

seperti yang tersebut di dalam hadits di atas juga? Bagaimana kalau perempuan yang berhaidh dapat mengawal dengan sempurna darah haidhnya daripada tumpah di dalam masjid? Dan bagaimana kalau fitnah di luar masjid lebih besar daripada fitnah yang mungkin timbul di dalam masjid? Hadits-hadits yang tidak membenarkan perempuan-perempuan berhaidh berada di dalam masjid itu pula bagi Bukhari tidak menepati syaratnya dan tidak dapat menandingi hadits yang dikemukakan di bawah bab di atas. (6) Menerusi bab ini Bukhari secara isyarat mengemukakan pandangannya berhubung dengan hukum perempuan berhaidh berada di dalam masjid. Bagi beliau, perempuan berhaidh boleh terus berada di dalam masjid dalam keadaan memelihara dirinya daripada mencemarkan masjid dengan darah haidhnya. Ini kerana tidak tersebut di dalam mana-mana riwayat pun perintah atau peringatan Nabi s.a.w. kepada perempuan tersebut agar keluar dari masjid apabila kedatangan haidh. Tidak tersebut juga di dalam mana-mana hadits bahawa perempuan tersebut telah putus haidh. Salah satu qaedah fiqh Bukhari ialah berpegang dengan 'umum hadits selagi tidak terdapat dalil yang mampu mengkhususkannya. Umum hadits bab ini menunjukkan perempuan berkenaan adalah perempuan biasa dan normal. Sebagai perempuan yang normal, semestinya ia berhaidh. Tidak terdapat pula kenyataan di dalam mana-mana riwayat yang menunjukkan ia keluar dari masjid dan menetap di lain ketika berhaidh. Keadaan ini juga jelas menunjukkan perempuan berhaidh boleh berada di dalam masjid berdasarkan qaedah البراءة الأصلية (kebebasan asal). Selain hadits di atas Imam Bukhari dan orang-orang yang sependapat dengannya juga berpegang dengan hadits Jabir di mana di dalamnya Rasulullah s.a.w. menyuruh 'Aisyah agar melakukan semua perkara yang dilakukan oleh orang-orang yang mengerjakan haji selain berthawaf dan bersembahyang. Di bawah ini dikemukakan sebahagian daripada hadits Jabir yang berkenaan:

قَالَ وَكَانَتْ عَائِشَةُ قَدِمَتْ مَعَ مَكَّةَ وَهِيَ حَائِضٌ فَأَمَرَهَا النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ تَتَّسِكَ الْمَنَاسِكَ كُلَّهَا غَيْرَ أَنَّهَا لَا تَطُوفُ وَلَا تُصَلِّي حَتَّى تَطْهَرُ

Bermaksud: Kata Jabir: “Aaisyah sampai ke Mekah dalam keadaan berhaidh. Maka Rasulullah s.a.w. menyuruhnya agar melakukan semua perkara yang dilakukan oleh orang-orang yang mengerjakan haji selain berthawaf dan bersembahyang.” (Hadits riwayat Bukhari Sahihnya dan Baihaqi di dalam Sunan Kubranya). Bukankah banyak sekali perkara yang dilakukan oleh orang-orang yang mengerjakan haji selain berthawaf dan bersembahyang? Bukankah mereka membaca al-Qur'an, berzikir, bertalbiah, melontar Jamarat, masuk ke dalam masjid, berada di dalamnya dan lain-lain? Rasulullah s.a.w. telah menyuruh 'Aaisyah melakukan semuanya kecuali berthawaf dan bersembahyang. Tidakkah perintah Nabi s.a.w. ini bererti Baginda s.a.w. membenarkan juga wanita yang berhaidh masuk ke dalam masjid dan berada di dalamnya seperti orang-orang lain?

Soal hadits-hadits yang dengan terang melarang perempuan berhaidh berada di dalam masjid yang dijadikan pegangan oleh sesetengah 'ulama', maka itu semuanya bagi Bukhari tidak mampu mengkhususkan hadits 'umum ini. Sama ada kerana ia tidak setanding dengannya atau tidak jelas atau kerana adanya sebab-sebab lain yang memarjuhkannya. **Antara hadits yang menjadi pegangan** golongan 'ulama' yang mengharamkan perempuan berhaidh berada di dalam masjid ialah hadits yang diriwayatkan oleh 'Aaishah daripada Nabi s.a.w. Baginda (dikatakan) bersabda: *إِنِّي لَا أَهْلُ الْمَسْجِدَ لِحَائِضٍ* Bermaksud: Sesungguhnya aku tidak menghalalkan masjid untuk perempuan berhaidh dan orang yang berjunub. (Hadits riwayat Abu Daud, Ibnu Khuzaimah). Tetapi hadits 'Aaishah ini tidak sahih kerana di dalam isnadnya terdapat dua orang perawi yang dipertikaikan iaitu Aflat bin Khalifah dan Jasrah binti Dijajah. Berhubung dengan Aflat Ibnu Hazam di dalam al-Muhallanya berkata: “Aflat tidak masyhur dan tidak (juga) dikenali sebagai perawi tsiqah.” Ibnu Hazam malah menganggap hadits ini sebagai hadits yang باطل (karut). Imam Ahmad menganggap hadits ini dhaif kerana perawinya Aflat bin Khalifah adalah seorang yang majhul (tidak dikenali).” Demikian kata al-Baghawi di dalam Syarah as-Sunnahnya. Al-Khatthaabi di dalam Ma'alimnya berkata: “Sekumpulan tokoh 'ulama' hadits menganggap hadits ini dhaif. Kata mereka perawinya Aflat adalah seorang yang majhul dan haditsnya tidak boleh dijadikan hujjah.” Imam Bukhari sendiri menganggap hadits ini munkar dan dhaif. Selain itu 'Abdul Haq al-Isybili, Baihaqi dan Nawawi juga menganggapnya dhaif. Jasrah pula bagi Bukhari adalah seorang perawi yang banyak meriwayatkan perkara-perkara pelik di dalam hadits-haditsnya. Dialah perawi yang merupakan paksi (مدار) dalam periwayatan hadits ini. Jasrah tidak terkenal sebagai perawi yang tsiqah dan 'adil. Tidak ada seorang pun 'ulama' mutaqaddimin yang boleh diterima tautsiqnya telah mentsiqahkannya. Hafiz Ibnu Hajar hanya mengatakan dia مقبولة. Seseorang perawi maqbul menurut istilah Hafiz Ibnu Hajar, baru boleh diterima riwayatnya sebagai hujjah apabila ada mutabi' atau syahidnya. Sedangkan semua hadits yang dianggap sebagai mutabi' dan syahid bagi hadits ini tidak dapat menguatkannya kerana di dalam isnad-isnadnya juga terdapat perawi-perawi majhul dan dhaif. Antaranya ialah tiga hadits berikut ini: (1) Ibnu Majah dengan isnadnya meriwayatkan, katanya:

حَدَّثَنَا أَبُو بَكْرِ بْنُ أَبِي شَيْبَةَ وَمُحَمَّدُ بْنُ يَحْيَى قَالَا حَدَّثَنَا أَبُو نُعَيْمٍ حَدَّثَنَا ابْنُ أَبِي غِيَاثٍ عَنْ أَبِي الْخَطَّابِ الْهَجَرِيِّ عَنْ مَخْذُومِ الدُّهْلِيِّ عَنْ جَسْرَةَ قَالَتْ أَخْبَرْتَنِي أُمُّ سَلَمَةَ قَالَتْ دَخَلَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَرْحَةَ هَذَا الْمَسْجِدِ فَنَادَى بِأَعْلَى صَوْتِهِ إِنَّ الْمَسْجِدَ لَا يَجِلُّ لِحُجُبٍ وَلَا لِحَائِضٍ

Bermaksud: Kata Ummu Salamah: "Rasulullah s.a.w. pernah masuk ke pekarangan masjid ini lalu memekikkan dengan setinggi-tinggi suaranya, bahawa sesungguhnya masjid ini tidak halal kepada orang berjunub dan berhaidh."

Hadits ini dhaif kerana terdapat di dalam isnadnya Abu al-Khatthaab al-Hajari dan Mahduj az-Zuhli. Hadits ini juga berpunca daripada Jasrah. Abu al-Khatthaab al-Hajari adalah perawi majhul dan Mahduj az-Zuhli pula adalah perawi yang ساقط (perawi yang haditsnya tidak boleh dijadikan hujjah, tidak boleh ditulis dan tidak boleh dijadikan i'tibar). (2) At-Tabaraani dan al-Baihaqi juga dengan isnad masing-masing telah meriwayatkan melalui saluran riwayat yang sama dengan riwayat yang dikemukakan oleh Ibnu Majah tadi daripada Ummi Salamah tetapi at-Tabaraani mengemukakannya dengan tambahan begini: *إِلَّا لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَزْوَاجِهِ وَفَاطِمَةَ بِنْتِ مُحَمَّدٍ وَعَلِيٍّ أَلَا يَبْتَغِي أَنْ تَضَلُّوا* Bermaksud: kecuali kepada Nabi s.a.w, isteri-isterinya, Fathimah binti Muhammad dan 'Ali. Ketahuilah, aku terangkan agar kamu tidak terpesong.

Al-Baihaqi pula mengemukakannya dengan tambahan begini:

إِلَّا لِرَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَعَلِيٍّ وَفَاطِمَةَ وَالْحَسَنِ وَالْحُسَيْنِ أَلَا قَدْ بَيَّنْتُ لَكُمْ الْأَسْمَاءَ أَنْ لَا تَضَلُّوا

Bermaksud: kecuali kepada Rasulullah s.a.w., 'Ali, Fathimah, Hasan dan Husain. Ketahuilah, aku terangkan kepadamu nama-nama itu agar kamu tidak terpesong.

Selain bermasalah daripada segi sanadnya, kedua-dua riwayat At-Tabaraani dan al-Baihaqi dengan tambahan seperti yang dibentangkan itu merupakan tambahan oleh golongan Syi'ah pelampau. Ibnu Majah tidak menyebutkan tambahan ini di dalam riwayatnya. Demikian kata Ibnu al-Qaiyyim di dalam Tahzib Sunan Abi Daud. (3) Ibnu Hazam meriwayatkan daripada 'Abdil Wahhaab daripada 'Athaa' al-Khaffaaf daripada Abi Ghaniyyah daripada Ismail daripada Jasrah binti Dijajah daripada Ummi Salamah, katanya: Rasulullah s.a.w. bersabda:

هَذَا الْمَسْجِدُ حَرَامٌ عَلَى كُلِّ جَنْبٍ مِنَ الرِّجَالِ وَحَائِضٍ مِنَ النِّسَاءِ إِلَّا مُحَمَّدٌ وَأَزْوَاجُهُ وَعَلِيٌّ وَفَاطِمَةُ

Bermaksud: Masjid ini haram kepada setiap orang lelaki yang berjunub dan setiap orang perempuan yang berhaidh kecuali Muhammad, isteri-isterinya, 'Ali dan Fathimah." Hadits ini juga dhaif kerana di dalam isnadnya terdapat beberapa orang perawi yang dhaif dan majhul. Imam Ahmad mengatakan 'Abdul Wahhaab adalah perawi yang lemah (dhaif) dan mudhtharib (tidak tetap haditsnya). Imam Bukhari, Abu Hatim ar-Razi, as-Saaji dan an-Nasaa'i mengatakan dia adalah seorang yang tidak kuat. Ibnu Hazam pula mengatakan dia منكر الحديث (perawi dhaif yang meriwayatkan hadits yang bercanggah dengan riwayat perawi-perawi tsiqah). Keadaan 'Athaa' lebih teruk lagi daripada 'Abdul Wahhaab. Di dalam sesetengah kitab disebutkan 'Abdul Wahhaab bin 'Athaa' bukan 'Abdul Wahhaab daripada 'Athaa'. Biar apa pun yang sebenarnya, hakikatnya ialah riwayat ini tidak akan menjadi kuat kerana kedua-dua mereka adalah lemah. Hafiz Ibnu Hajar mengatakan 'Athaa' banyak melakukan kesilapan. Yahya bin Ma'in pula mengatakan dia منكر الحديث (perawi dhaif yang meriwayatkan hadits yang bercanggah dengan riwayat perawi-perawi tsiqah). Abu Daud, az-Zahabi dan lain-lain mengatakan dia dhaif. Ismail juga menurut al-Azdi dan Ibnu Hibbaan adalah perawi منكر الحديث. Ad-Daraquthni dan Ibnu al-Jauzi mengatakan dia dhaif. Sementara Ibnu Hazam sendiri pula mengatakan dia majhul (seorang perawi yang tidak diketahui latar belakangnya). Jadi bagaimana hadits-hadits ini akan menguatkan satu sama lain kalau setiap satu daripadanya adalah dhaif? **Yang paling kuat antaranya** ialah hadits yang mula-mula sekali dibentangkan tadi iaitu hadits Jasrah riwayat Abu Daud dan Ibnu Khuzaimah. Walaupun ada 'ulama' menghukum ia sahih seperti Ibnu Khuzaimah dan asy-Syaukaani atau hasan seperti Ibnu al-Qatthaan al-Faasi dan Ibnu Sayyidi an-Naas, tetapi sekian ramai 'ulama' hadits tetap menghukumnya sebagai dhaif seperti telah dijelaskan sebelum ini. Hukuman terhadap hadits ini sebagai dhaif adalah lebih kuat berdasarkan sesuatu hadits itu dihukum dhaif apabila sanadnya mengandungi perawi dhaif. Jelas sekali hadits-hadits yang tersebut tadi sanadnya memang mengandungi perawi-perawi yang dhaif. Maka tidak ada lagi alasan untuk menghukumnya sahih atau hasan. Dalam masalah ini juga pendapat Bukhari kelihatan lebih munasabah dan relevan dengan logik, jiwa dan semangat kritis masyarakat Islam moden. Ia juga lebih menjinakkan masyarakat bukan Islam yang banyak telah terkeliru tentang Islam dan boleh menarik minat mereka kepada agama Islam. Pendapat Bukhari dalam masalah ini benar-benar mencerminkan kemudahan Islam dan keprihatinannya terhadap semua anggota masyarakat. Di samping itu ia juga akan membuahkan beberapa hasil, manfa'at dan faedah berikut ini: **i-** Keprihatinan agama Islam terhadap kaum wanita. **ii-** Bersangka baik terhadap sifat amanah kalangan lelaki dan perempuan muslim terutamanya apabila mereka berada di rumah Allah iaitu masjid. **iii-** Tanggapan bahawa Islam mengamalkan diskriminasi jantina terhadap kaum wanita akan semakin lenyap. **iv-** Tempat yang lebih selamat untuk wanita di sisi Rasulullah s.a.w. ialah masjid. Begitulah sepatutnya berlaku pada bila-bila masa sekalipun selepas

٤٢٠ - حَدَّثَنَا عُبَيْدُ بْنُ إِسْمَاعِيلَ قَالَ حَدَّثَنَا أَبُو أُسَامَةَ عَنْ هِشَامِ بْنِ عُرْوَةَ عَنْ أَبِيهِ عَنْ عَائِشَةَ أَنَّ وَلِيدَةً كَانَتْ سَوْدَاءَ لِحْيٍ مِنَ الْعَرَبِ فَأَعْتَقُوهَا فَكَانَتْ مَعَهُمْ قَالَتْ فَخَرَجَتْ صَبِيَّةً لَهُمْ عَلَيْهَا وَشَاخٌ أَحْمَرٌ مِنْ سُيُورٍ قَالَتْ فَوَضَعَتْهُ أَوْ وَقَعَ مِنْهَا فَمَرَّتْ بِهِ حُدَيَّةٌ وَهُوَ مُلْقَى فَحَسِبْتُهُ لَحْمًا فَخَطَفْتُهُ قَالَتْ فَالْتَمَسُوهُ فَلَمْ يَجِدُوهُ قَالَتْ فَأَتَهُمُونِي بِهِ قَالَتْ فَطَفِقُوا يُفْتَشُونَنِي حَتَّى فَتَشُوا قُبْلَهَا قَالَتْ وَاللَّهِ إِنِّي لَقَائِمَةٌ مَعَهُمْ إِذْ مَرَّتِ الْحُدَيَّةُ فَأَلْقَتْهُ قَالَتْ فَوَقَعَ بَيْنَهُمْ قَالَتْ فَقُلْتُ هَذَا الَّذِي أَتَهُمْتُمُونِي بِهِ زَعَمْتُمْ وَأَنَا مِنْهُ بَرِيَّةٌ وَهُوَ ذَا هُوَ قَالَتْ فَجَاءَتْ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَأَسْلَمَتْ قَالَتْ عَائِشَةُ فَكَانَ لَهَا حَبَاءٌ فِي الْمَسْجِدِ أَوْ حِفْشٌ قَالَتْ فَكَانَتْ تَأْتِينِي فَتَحَدِّثُ عِنْدِي قَالَتْ فَلَا تَجْلِسُ عِنْدِي مَجْلِسًا إِلَّا قَالَتْ وَيَوْمَ الْوُشَّاحِ مِنْ تَعَاجِيبِ رَبِّنَا أَلَا إِنَّهُ مِنْ بَلَدَةِ الْكُفْرِ أَنْجَانِي قَالَتْ عَائِشَةُ فَقُلْتُ لَهَا مَا شَأْنُكَ لَا تَقْعُدِينَ مَعِيَ مَقْعَدًا إِلَّا قُلْتَ هَذَا قَالَتْ فَحَدَّثْتَنِي بِهَذَا الْحَدِيثِ

420- 'Ubaid bin Ismail meriwayatkan kepada kami, katanya: Abu Usamah meriwayatkan kepada kami daripada Hisyam bin 'Urwah daripada ayahnya daripada 'Aaisyah, bahawa ada seorang hamba perempuan berkulit hitam kepunyaan satu keluarga (qabilah) 'Arab.⁶²⁵ Setelah keluarga itu memerdekakannya, dia tetap hidup bersama mereka. (Bekas) Hamba perempuan itu bercerita, katanya: "Pernah seorang anak perempuan keluarga tersebut keluar dengan memakai selempang merah daripada kulit yang bertatahkan permata. Dia meletakkan selempangnya atau (syak perawi) selempangnya terjatuh dari tubuhnya. Tiba-tiba seekor helang lalu di situ dan ia ternampak selempang yang terletak di atas tanah itu. Kerana menyangka daging, helang itu menyambarnya. Mereka pula mencarinya tetapi tidak dijumpai." Hamba perempuan itu bercerita lagi: "Setelah menuduh aku mengambilnya, mereka terus

Baginda s.a.w. v- Masjid adalah tempat yang mulia di sisi Allah. Memberi perlindungan kepada wanita di masjid berarti memuliakan mereka. vi- Di sesetengah tempat, membawa bersama wanita ke masjid lebih menjamin keselamatan mereka daripada membiarkan mereka berada di dalam kenderaan misalnya, semata-mata kerana mereka datang bulan. vii- Menjinakkan wanita dengan masjid yang merupakan pusat sumber ilmu agama kepada masyarakat Islam, apabila tidak ada sesuatu yang menghalang mereka untuk pergi ke sana. Peluang yang ada pada mereka untuk mendalami agama sama dengan peluang yang ada pada kaum lelaki. viii- Orang-orang perempuan yang berhaidh juga boleh menjadikan masjid sebagai tempat perhentian dan tempat berehat dalam perjalanan atau pada ketika bermusafir tanpa perlu berpisah dan berada jauh daripada ayah, suami dan lain-lain. ix- Dalam keadaan terdesak seperti pada ketika hujan lebat dan sebagainya, orang-orang perempuan yang datang bulan juga boleh berlindung di masjid tanpa ada rasa bersalah atau rasa berdosa. x- Sesetengah masjid menyediakan bilik-bilik untuk musafir yang bertandang, bilik perpustakaan, ruang makan dan sebagainya. Kaunter pembayaran zakat juga adakalanya dibuka di dalam masjid. Dalam keadaan-keadaan seperti ini orang-orang perempuan yang sedang berhaidh juga berpeluang mengambil manfa'at daripada kemudahan-kemudahan yang disediakan di masjid itu, jika ijtihad Imam Bukhari ini diguna pakai. والله أعلم.

⁶²⁵ Para 'ulama' pengkaji perawi-perawi Sahih Bukhari tidak dapat mengesan apakah nama hamba perempuan berkulit hitam yang tersebut di dalam hadits ini. Mereka juga tidak dapat mengesan nama qabilah atau keluarga yang memerdekakannya. Nama anak perempuan keluarga tersebut yang disambar selempangnya oleh helang itu juga tidak dapat dikesan mereka.

memeriksaiku, sehingga mereka memeriksa kemaluannya.”⁶²⁶ (Bekas) Hamba perempuan itu meneruskan ceritanya: “Demi Allah, sesungguhnya ketika aku sedang berdiri bersama mereka, tiba-tiba lalu burung helang tadi dan dilepaskannya selempang itu. Ia jatuh di hadapan mereka. Aku lantas berkata: “Inilah yang kamu tuduh aku mengambilnya. Kamu menganggap aku mengambilnya padahal tidak. Nah! Inilah dia selempang itu.” Kata ‘Aaisyah: “Hamba perempuan ini kemudiannya datang menemui Rasulullah s.a.w. dan memeluk agama Islam. Dia mempunyai Khiba’ (khemah kecil) atau gubuk di dalam masjid.⁶²⁷ Dia selalu datang bercakap-cakap denganku dan setiap kali datang ke majlisiku, tidak lupa dia mengungkapkan syair ini: “Hari Wisyah (selempang) adalah antara ke’ajaiban Tuhan kita. Bagaimanapun ia telah menyelamatkan daku dari negeri kafir.”⁶²⁸ Kata ‘Aaisyah, pernah saya bertanya dia: “Kenapa setiap kali kamu duduk di sampingku, mesti saja kamu mengungkapkan syair ini?” Maka dia mengisahkan peristiwa tadi kepadaku.⁶²⁹

⁶²⁶ Percakapan menurut bahasa biasa menghendaki hamba perempuan itu berkata: *حَتَّى قُتِلُوا قَتْلِي* (sehingga mereka memeriksa kemaluanku) bukan *قُتِلُوا* (kemaluannya). Kerana dia bercerita tentang dirinya bukan bercerita tentang orang lain. Kalau perkataan itu dianggap sebagai kata-kata ‘Aaisyah, maka tepatlah kalau digunakan *قُتِلُوا* di sini. Sebenarnya perkataan *قُتِلُوا* juga boleh (sah) dianggap sebagai kata-kata hamba perempuan itu mengikut *qaedah* *التفات* atau *تجريد* dalam ilmu Balaghah. Pemakaian *qaedah* *التفات* di sini bererti orang yang bercakap berasa segan atau tidak sopan menyebutkan perkataan seperti itu untuk dirinya sendiri. Kerananya ia menyebutkan seolah-olahnya pemeriksaan itu telah berlaku ke atas orang lain. Pemakaian *qaedah* *تجريد* pula bererti orang yang bercakap mengandaikan dirinya sebagai orang lain dan dia bercerita tentang orang itu bukan tentang dirinya. Al-Baihaqi di dalam *Syua’b al-Iman* meriwayatkan hadits ini melalui saluran riwayat Abu Mu’aawiah daripada Hisham daripada ayahnya (‘Urwah): Bahawa hamba perempuan itu juga berkata: “Aku berdoa kepada Allah agar dilepaskanNya aku (daripada tuduhan itu).”

⁶²⁷ Di sinilah letaknya dalil Bukhari bahawa orang perempuan boleh tidur dan tinggal di dalam masjid. Kalau dia tidak tinggal di masjid, untuk apakah dipasangnya khemah di dalam masjid? Dan kalau dia memang tinggal di dalam masjid, sudah tentulah dia juga tidur di dalamnya. Berdasarkan hadits di atas juga dapat dipastikan bahawa perempuan ini adalah sahabat Nabi s.a.w. walaupun namanya tidak diketahui.

⁶²⁸ Syair ini adalah daripada bahar Thawil. Wazan (timbangan) asalnya terdiri daripada lapan juzu’ iaitu: *فعولن مفاعيلن فعولن مفاعيلن*. Bahar thawil adalah bahar (rentak) yang paling popular di kalangan penyair-penyair ‘Arab. Bahar (rentak syair) ini mengandungi hanya satu ‘arudh sahaja dalam bentuk maqbudh. Wazannya ialah *مفاعيلن*. Dharbnya pula ada tiga. Wazannya ialah *مفاعيلن*, *فعولن* dan *فعولن*. Dharb bagi bait yang tersebut di dalam hadits di atas adalah sahih iaitu *مفاعيلن*. Juzu’ kedua syathar pertama baitnya dimasuki qabdh (dibuang huruf kelimanya yang mati). Kerana itulah ia menjadi *مفاعيلن* dalam keadaan bertukar daripada bentuk asalnya. Jika baris *ح* pada juzu’ keduanya diisyyaa’kan, ia akan menjadi taam (sempurna mengikut bentuk asalnya) dan jika ditanwinkan *ح* pada juzu’ keduanya di samping dibuang *أل* di awalnya, niscaya juzu’ pertamanya pula yang maqbudh (dimasuki qabdh). Wazannya akan menjadi *فعولن* bukan *فعولن* lagi. Cara ini dianggap lebih ringan berbanding cara sebelumnya. Penggunaan qabdh pada juzu’ kedua dan keenam terdapat dengan banyak sekali di dalam syair-syair ‘Arab klasik. Tetapi ia jarang digunakan di dalam syair-syair muwalladin (penyair-penyair kemudian yang bukan merupakan ‘Arab tulen). Syair di atas apabila ditaqthi’kan, akan tergambar seperti di bawah ini:

ويوم ال/ فعولن - وشاح من/ مفاعيلن - تعاجي/ فعولن - برين/ مفاعيلن - ألا إن/ فعولن - نهو من بل/ مفاعيلن - دة الكف/ فعولن - رانجائي/ مفاعيلن

⁶²⁹ Antara pengajaran dan panduan yang dapat diambil daripada hadits ini ialah: (1) Orang lelaki atau perempuan yang tidak mempunyai rumah dan kediaman boleh tidur dan menetap di dalam masjid jika aman daripada fitnah. (2) Keharusan memasang khemah dan sebagainya di dalam masjid untuk orang

بَابُ نَوْمِ الرِّجَالِ فِي الْمَسْجِدِ وَقَالَ أَبُو قِلَابَةَ عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ قَدِيمَ رَمْطٍ مِنْ عُكْلٍ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَكَانُوا فِي الصُّفَّةِ وَقَالَ عَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنُ أَبِي بَكْرٍ الصَّدِيقِ كَانَ أَصْحَابُ الصُّفَّةِ الْفُقَرَاءَ

31- Bab Tidur Orang-Orang Lelaki Di Dalam Masjid.⁶³⁰ Abu Qilabah Meriwayatkan Daripada Anas Bin Malik, Katanya: "Satu Kumpulan Orang 'Ukl

lelaki dan perempuan yang susah. (3) Elok keluar dari negeri yang membuatkan seseorang mendapat malu atau menyebabkannya hidup sengsara. (4) Adakalanya fitnah yang berlaku ke atas seseorang mengakibatkan kebaikan dan kebahagiaannya di kemudian hari. (5) Kelebihan berhijrah dari negeri kafir ke negeri Islam. (6) Kelebihan berpindah dari tempat yang kurang baik ke tempat yang lebih baik. (7) Doa orang yang dizalimi diterima Allah walaupun dia seorang kafir. (8) Peristiwa penting dalam kehidupan seseorang tidak akan dilupainya. Ia akan sentiasa menyebut dan mengenangnya. Peristiwa penting dalam kehidupan seseorang sering juga mencetuskan idea-idea bernas dan melahirkan hasil-hasil seni yang tiada tolak bandingnya, berupa karya-karya agung atau puisi-puisi yang sangat bernilai. (8) Menempatkan seseorang di dalam masjid bukan bererti menghinanya malah ia bererti memuliakannya kerana masjid adalah tempat yang paling mulia di bumi. (9) Masjid sepatutnya menjadi tempat yang paling selamat untuk seseorang muslim. Kalau di luar masjid seseorang yang beriman berkewajipan menjaga keselamatan dan maruah saudara seagamanya, maka di dalam masjid lebih-lebih lagi dia perlu menjaganya. (10) Oleh kerana masjid merupakan tempat berlindung dan tempat beribadat orang-orang Islam, ia sewajarnya terbuka setiap masa kepada semua lapisan masyarakat. (11) Oleh kerana masjid juga merupakan pusat penyebaran da'wah dan ilmu Islam, maka sewajarnya kaum lelaki dan kaum perempuan kedua-duanya sekali bebas memasukinya dan berada di dalamnya tanpa mengira waktu dan ketika. (12) Seringkali juga aktiviti-aktiviti kemasyarakatan yang merangkumi kaum lelaki dan perempuan diadakan di masjid seperti majlis 'aqad nikah, derma darah dan sebagainya. Ijtihad Bukhari dan tokoh-tokoh 'ulama' yang sependapat dengannya sesuai sekali dipilih dan diguna pakai untuk melancarkan perjalanan aktiviti-aktiviti seperti itu. (13) Hadits-hadits yang menunjukkan perempuan harus masuk ke dalam masjid dan berada di dalamnya dalam keadaan berhaidh lebih kuat dan lebih tinggi kedudukannya daripada yang tidak mengharuskan.

⁶³⁰ Menerusi bab ini pula Imam Bukhari mahu menegaskan keharusan orang-orang lelaki tidur dan menetap di dalam masjid dengan menjaga adab-adabnya. Kalau orang-orang perempuan pun dibenarkan tidur dan menetap di dalamnya, tentu sekali golongan lelaki lebih-lebih lagi dibenarkan meskipun mereka terdedah kepada ihtilam atau janabah. Namun begitu para 'ulama' tidak sekata juga dalam masalah ini. Kerana itulah Bukhari tidak membuat keputusan yang mu'tamad tentang hukumnya. Ibnu Mas'ud, Thaawus, Mujahid, Malik, Al-Auzaa'i, Ahmad dan Ishaq berpendapat, tidur di dalam masjid adalah sekurang-kurangnya makruh kepada orang lelaki tempatan yang mempunyai kediaman. Ia hanya dibenarkan (diharuskan) kepada orang lelaki yang tidak mempunyai kediaman atau orang lelaki yang bermusafir. Ibnu 'Umar, Sa'id bin al-Musa'iyab, 'Athaa', Ibnu Sirin, Sulaiman bin Yasaar, Hasan al-Bashri, Abu Hanifah, Syafi'e, Sufyan ats-Tsauri dan jumhur 'ulama' berpendapat harus. Tetapi jika dia mempunyai kediaman, adalah lebih elok kepadanya tidur di kediamannya sendiri. Imam Bukhari dalam masalah ini sependapat dengan jumhur 'ulama'. Ibnu 'Abbaas pula diriwayatkan berpendapat, tidak mengapa (harus) tidur di dalam masjid jika maksudnya ialah menunggu sembahyang. Tetapi beliau tidak membenarkan masjid dijadikan sebagai tempat tidur yang tetap buat selama-lamanya. Selain daripada mengisytarkan kepada perbezaan pandangan 'ulama' berhubung dengan masalah ini dan menyatakan pandangan beliau sendiri tentangnya, Imam Bukhari juga mahu mengingatkan para pembaca Sahihnya kepada hadits-hadits yang dengan terang melarang orang-orang lelaki daripada tidur di dalam masjid. Hadits-hadits seperti itu sebenarnya tidak ada satu pun yang sahih. Kalau tidak maudhu', paling tinggi ia dhaif. Oleh itu ia sama sekali tidak boleh dijadikan dalil dan hujjah. Antaranya ialah hadits riwayat 'Abdur Razzaaq daripada Jabir ini:

عبد الرزاق عن يحيى بن العلاء عن حرام بن عثمان عن ابني جابر عن عبد الله قال اتانا رسول الله صلى الله عليه وسلم ونحن مضطجعون في مسجده فضربنا بعسيب كان في يده وقال قوموا لا ترقدوا في المسجد

Bermaksud: Kata Jabir: "Pernah Rasulullah s.a.w. datang kepada kami ketika kami sedang berbaring (tidur) di dalam masjidnya. Beliau s.a.w. memukul kami dengan pelepah tamar (yang tidak berdaun) yang berada di tangannya sambil berkata: "Bangun! Jangan tidur di dalam masjid."

Datang Kepada Nabi S.A.W. Lalu Mereka Tinggal Di Shuffah (Serambi Masjid).⁶³¹ Abdur Rahman Bin Abi Bakr Menceritakan: "Ahli-Ahli Suffah Itu Adalah Orang-Orang Miskin."⁶³²

٤٢١ - حَدَّثَنَا مُسَدَّدٌ قَالَ حَدَّثَنَا يَحْيَى عَنْ عُبَيْدِ اللَّهِ قَالَ حَدَّثَنِي نَافِعٌ قَالَ أَخْبَرَنِي عَبْدُ اللَّهِ بْنُ عُمَرَ أَنَّهُ كَانَ يَنَامُ وَهُوَ شَابٌّ أَغْرَبُ لَا أَهْلَ لَهُ فِي مَسْجِدِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

421- Musaddad meriwayatkan kepada kami, katanya: Yahya meriwayatkan kepada kami daripada Ubaidillah, katanya: Naafi' meriwayatkan kepadaku, katanya: 'Abdullah bin 'Umar memberitahuku: "Bahawa semasa muda belia dan belum berumah tangga, dia selalu tidur di dalam masjid Nabi s.a.w."⁶³³

Hadits ini tidak sahih, malah ia mungkar dan maudhu'. Ia mungkar kerana bercanggah dengan hadits-hadits sahih seperti yang dikemukakan oleh Bukhari sendiri di bawah bab ini, dan ia maudhu' kerana di dalam isnadnya ada Yahya bin al-'Alaa' dan Haraam bin 'Utsman. Yahya bin al-'Alaa' adalah seorang perawi yang tertuduh berdusta dan mereka hadits. Walaupun Hafash bin Maisarah menjadi mutaabi' kepadanya dalam meriwayatkan hadits ini daripada Haraam, tetapi dengan lafaz yang sedikit berbeza daripada riwayat Yahya bin al-'Alaa' dan dengan tambahan yang jelas menunjukkan kekarutannya. Berikut ialah riwayat Hafash bin Maisarah daripada Haraam itu:

قال جاء رسول الله صلى الله عليه وسلم ونحن مضطجعون في المسجد فضر بنا بعسيب فقال أترقدون في المسجد! إنه لا يرقد فيه قال فأجفنا وأجفل على فقال تعالى يا علي إنه يحل لك من المسجد ما يحل لى والذى نفسي بيده إنك لذواد عن حوضي يوم القيامة

Bermaksud: Kata Jabir: "Pernah Rasulullah s.a.w. datang kepada kami ketika kami sedang berbaring (tidur) di dalam masjidnya. Beliau s.a.w. memukul kami dengan pelepah tamar (yang tidak berdaun) sambil berkata: "Kamu tidur di dalam masjid?! Tidak boleh tidur di dalamnya! Kata Jabir: "Kami bergegas hendak pergi. 'Ali juga bergegas hendak pergi. Tiba-tiba Baginda s.a.w. berkata: "Kemari wahai 'Ali! Sesungguhnya masjid ini halal kepadamu seperti ia halal untukku. Demi tuhan yang nyawaku berada di tanganNya, sesungguhnya engkau akan benar-benar menjaga kolamku di hari qiamat nanti."

Itulah sebabnya Imam Zahabi di dalam Mizan al-i'tidaal dan Hafiz Ibnu Hajar di dalam Lisan al-Mizaan mengatakan hadits yang diriwayatkan oleh Hafash bin Maisarah daripada Haraam bin 'Utsman ini *منكر جِدًّا* (sangat mungkar iaitu bercanggah sangat dengan hadits-hadits sahih). Haraam bin 'Utsman pula adalah seorang perawi dha'if. Imam Malik dan Yahya berkata: "Dia tidak boleh dipercayai." Imam Ahmad berkata: "Para 'ulama' meninggalkan (tidak mahu menerima) haditsnya." Ibnu Hibbaan berkata: "Haraam seorang yang melampau dalam fahaman syi'ahnya. Dia selalu menterbalikkan sanad-sanad hadits dan memarfuk'kan hadits yang mursal." Imam Syafi'e dan Yahya bin Ma'in bahkan mengatakan: "Haram meriwayatkan hadits daripada Haraam."

⁶³¹ Ta'liq ini adalah sebahagian daripada hadits yang mengisahkan tentang golongan 'Ukl dan 'Urainah yang telah pun tersebut di bawah Kitab at-Thaharah dahulu di dalam hadits no:226. Imam Bukhari memaushulkannya dengan lafaz ini di dalam Kitab al-Muharibin nanti melalui saluran riwayat Wuhaib daripada Ayyub daripada Abi Qilaabah ('Abdullah bin Zaid) daripada Anas. Perkataan رَهط digunakan khusus untuk kumpulan orang-orang lelaki yang bilangannya kurang daripada sepuluh orang. عكْل ialah nama satu qabilah 'Arab. Shuffah ialah serambi masjid Nabi s.a.w. yang beratap. Ia menjadi tempat tinggal golongan sahabat yang susah, tidak berumah tangga atau datang dari jauh.

⁶³² Ta'liq ini adalah permulaan satu hadits yang panjang. Imam Bukhari nanti akan mengemukakannya dengan panjang lebar di dalam باب السمر مع الضيف والأهل (Bab Berborak-Borak Di Waktu Malam Dengan Tetamu Dan Ahli Keluarga) dan باب علامات النبوة في الإسلام (Bab Tanda-Tanda KeNabian Menurut Islam). 'Abdur Rahman ini ialah anak Saiyyidina Abu Bakr As-Shiddiq r.a.

⁶³³ Antara panduan dan petunjuk yang dapat diambil daripada hadits ini ialah: (1) Ia jelas menunjukkan keharusan orang lelaki tidur di dalam masjid walaupun dia bukan seorang musafir. (2) Orang yang mempunyai kediaman yang tidak jauh dari masjid juga boleh tidur dan duduk di dalam masjid. (3) Imam Tirmizi dengan sanadnya meriwayatkan daripada Ibnu 'Umar, beliau menceritakan, katanya: كُنَّا نَنَامُ عَلَى عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي الْمَسْجِدِ وَنَحْنُ شَبَابٌ Bermaksud: "Kami orang-orang muda selalu tidur di dalam masjid di zaman Rasulullah s.a.w." Hadits ini menunjukkan bukan Ibnu 'Umar seorang